

TERNAKAN

Projek Ternakan merupakan kesinambungan daripada projek pengeluaran bahan makanan asas yang telah dilaksanakan dalam RMKe-10. Di bawah komoditi ternakan ini, terdapat dua kategori iaitu ternakan ruminan dan unggas. Pelaksanaan yang berterusan dalam projek pengeluaran ternakan ini akan memantapkan pengeluaran ternakan PP dan ahli peladang supaya dapat menyumbang ke arah peningkatan pengeluaran makanan dalam negara.

Tumpuan utama di dalam komoditi ternakan ini adalah ternakan ayam, lembu, kambing dan bebiri. Pada tahun 2013, LPP telah menerima peruntukan sebanyak RM2,275,200 untuk komoditi ternakan.

Sehingga tahun 2013, secara keseluruhannya, LPP memberi tumpuan kepada pengeluaran yang melibatkan projek yang dilaksanakan oleh PP dan ahli peladang dan telah menghasilkan pengeluaran ternakan sebanyak 235,386 (m/t) seperti di Jadual 17.



Norshah binti Ramly,
Projek Ternakan Lembu
PPK Mata Ayer

Jadual 17:
Maklumat Pengeluaran Komoditi Ternakan Sehingga Tahun 2013

Kategori	Jenis	Kuantiti (ekor)	Bil. Pengusaha	Hasil (m/t)	Nilai (RM)
Ruminan	Lembu Tenusu	8,317	15	44,507	673,807.70
	Rusa	387	5	5	171,000
	Bebiri	3,808	48	41	438,768
	Arnab	123	4	0.4	5,520
	Kambing	17,404	266	28,572	3,353,076.23
	Kerbau	495	16	59	579,676
	Lembu	11,871	315	23,305	13,726,611.50
Jumlah Kecil		42,405	669	96,489.40	18,948,459.43
Unggas	Ayam Daging	2,190,793	101	112,799	16,732,294.59
	Ayam Kampung	112,290	103	320	593,821
	Burung Puyuh	146,540	7	15,029	514,188
	Itik Daging	4,530	3	0.83	6,000
	Itik Penelur	13,886	13	10,748	170,058
Jumlah Kecil		2,468,039	227	138,897	18,016,361.59
Jumlah Keseluruhan		2,510,444	896	235,386	36,964,821